

**SULIT**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG LING BIU  
[SARIKEI - DAP]**

**TARIKH : 20 MAC 2018 (SELASA)**

**SOALAN NO.54**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah acara-acara yang akan dihentikan dalam SUKMA 2018 yang akan datang di Perak dan apakah sebabnya.

**SULIT**

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Lembaga Pengurus Majlis Sukan Negara yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan pada 12 Disember 2017 telah bersetuju untuk menggugurkan 3 daripada 19 jenis sukan teras iaitu Angkat Berat, Sepak Takraw dan Taekwondo.
2. Pada awalnya, Mesyuarat Lembaga Pengurus Majlis Sukan Negara telah menetapkan bahawa 3 sukan tersebut tidak akan dipertandingkan di temasya Sukan Malaysia Perak 2018. Walau bagaimanapun, Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Sukan Malaysia Bilangan 4 yang bersidang pada 8 Februari 2018 telah menerima rayuan daripada negeri-negeri dan bersetuju untuk mempertandingkan 3 sukan ini pada SUKMA Perak 2018 sebagai sukan pilihan.

Sekian, terima kasih.